SEJARAH TAHUN 5 **RABU,8 SEPTEMBER 2021**

Nama :

Tajuk: **Pengumuman Kemerdekaan** (ms 84)

A. Baca dan fahami kronologi peristiwa di bawah. Kemudian jawab soalan.

Selepas kejayaan rundingan di London, rombongan kemerdekaan kembali ke Tanah Melayu pada 16 Februari 1956.

Pada 20 Februari 1956, rombongan kemerdekaan tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka dengan menaiki pesawat Malayan Airways dan disambut meriah oleh orang ramai. Tunku Abdul Rahman mengumumkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan dengan rasminya pada 31 Ogos 1957.

Bendera Union Jack diturunkan pada pukul 6:30 petang, 30 Ogos 1957 di padang Banda Hilir, Melaka. Acara ini disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Melaka, H.G. Hammett bersama-sama dengan ribuan rakyat jelata. Peristiwa ini melambangkan berakhirnya penjajahan British di Tanah Melayu.

Permuafakatan antara pemimpin dalam perjuangan menuntut kemerdekaan membawa kepada kemakmuran dan kesejahteraan. Sebagai rakyat, kita haruslah mencontohi kesepakatan ini bagi menjamin keharmonian negara pada masa hadapan.

1. Bilakah rombongan kemerdekaan kembali ke Tanah Melayu dari London ?

2. Apakah peristiwa yang berlaku pada 20 Februari 1956 ?

3. Namakan pesawat yang membawa rombongan kemerdekaan ke Melaka.

4. Pada 30 Ogos 1957, secara rasminya_____ telah diturunkan.

5. Siapakah tokoh yang akan mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ?

B. Berdasarkan petikan berikut, jawab soalan yang diberi.

Permuafakatan antara pemimpin dalam perjuangan menuntut kemerdekaan membawa kepada kemakmuran dan kesejahteraan. Sebagai rakyat, kita haruslah mencontohi kesepakatan ini bagi menjamin keharmonian negara pada masa hadapan.

1. Semangat _____ antara pemimpin dalam proses tuntutan kemerdekaan negara telah membawa kepada _____ dan _____ .

2. Kita haruslah mencontohi kesepakatan yang ditunjukkan oleh tokoh pemimpin dahulu bagi menjamin _____ negara pada masa hadapan.

Cikgu Rosman Selamat, SK Parit Nawi,Muar.

LIVEWORKSHEETS